

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD
(SETIAWANGSA)**

SOALAN

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan bilangan veteran berpencen dan tidak berpencen yang meninggalkan perkhidmatan tentera antara tahun 2015-2021.

JAWAPAN

Bilangan veteran yang meninggalkan perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) antara tahun 2015 hingga Oktober 2021 adalah berjumlah 36,918 orang. Daripada jumlah ini seramai 28,136 orang menamatkan perkhidmatan secara berpencen, manakala seramai 8,782 orang lagi menamatkan perkhidmatan secara tidak berpencen.

Terima kasih.